

27 DEC 2002

SKYMALL (Bergambar)

KONSEP SKYMALL DITERAP PADA LAPANGAN TERBANG UTAMA LAIN NEGARA INI

Oleh: Nor Hammad Wariman

LANGKAWI, 27 Dis (Bernama) -- DR Group Holdings Sdn Bhd bercadang memperluaskan konsep baru membeli-belah di bawah satu bumbung yang diperkenalkan di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini ke lapangan terbang utama lain di negara ini.

Pengurus Besar Arshad Desa berkata pendekatan ini akan memberikan jaminan harga yang berpatutan dan barangan bermutu tinggi.

"Jika diizinkan, DR Group berhasrat memperluaskan konsep Skymall di lapangan terbang utama lain di negara ini dengan membawa imej baru dalam membawa pelbagai jenis produk yang dapat memenuhi citarasa pengembara, penggemar percutian dan pelancong domestik yang berkunjung ke Langkawi," kata Arshad dalam satu temubual yang diadakan di sini.

Syarikat itu telah melabur RM3.5 juta bagi menyediakan suasana membeli-belah yang kondusif dengan pelbagai barangan berjenama terus dari pembekal dengan harga yang dijamin murah.

Pusat membeli-belah bebas cukai Skymall yang mula beroperasi awal tahun ini telah dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 2 April lepas.

Syarikat itu telah menyerap perkhidmatan 30 operator kedai yang beroperasi di sekitar lapangan terbang itu dan mengambilalih operasi di situ untuk menyediakan suasana membeli-belah tanpa perlu keluar masuk kedai yang berasingan, kata beliau.

Keseluruhan pusat beli-belah yang berkeluasan 1,858 meter persegi itu (20,000 kaki persegi itu) menempatkan kedai menjual pelbagai jenis jenama minyak wangi dan produk penjagaan kulit yang terbesar dan lengkap di wilayah utara (di kawasan seluas 232.25 meter persegi).

Ia juga mempunyai kedai coklat pelbagai jenama selain kedai fesyen pakaian berjenama yang dijamin harganya, kelengkapan golf, barangan cenderamata dan lain-lain barangan berjenama eksklusif yang tidak terdapat di gedung-gedung lain.

Beliau memberi jaminan harga barangan di situ adalah lebih murah dari bandar besar lain terutama apabila luar daripada musim jualan murah.

DR Group Holdings mula bertapak sejak 1980an di kawasan seluas 8 meter persegi dengan hanya menjual minyak wangi di lapangan terbang lama dan setelah Langkawi mendapat status bebas cukai, syarikat itu memperluaskan perniagaannya dengan pelaburan RM12 juta bagi membangunkan kompleks Jetty Point di pintu masuk ke Langkawi di jeti Kuah.

DR Holdings melalui anak syarikatnya Jetty Point juga merancang pelbagai perubahan di kompleks membeli-belah yang dikendalikannya di pintu masuk di jeti Kuah di sini.

Ini termasuk menjadikan kompleks itu seperti mini bandaraya yang dilengkapi pelbagai kemudahan di tingkat atas seperti kelinik gigi dan perubatan, pejabat pos, bank dan kedai gunting rambut selain pelbagai kedai menjual barangan dan makanan di bahagian bawah kompleks.

-- BERNAMA

NH AA